

My Lotus's Troli Penuh Merdeka: Belanja & Menang

TERMS & CONDITIONS

1. General

- My Lotus's Troli Penuh Merdeka: Belanja & Menang ("Campaign") is a spend-and-win contest organized by Lotus's Malaysia exclusively for My Lotus's members.
- By participating in this Campaign, all participants agree to be bound by these Terms & Conditions. Lotus's Malaysia reserves the right to amend, vary, or modify these Terms & Conditions at any time without prior notice.
- In the event of any discrepancy or inconsistency between the English and Bahasa Melayu versions of these Terms & Conditions, the English version shall prevail.

2. Campaign Period

- The Campaign will run from 30 July 2026 to 16 September 2026, inclusive of both dates ("Campaign Period").

3. Eligibility

- This Campaign is open to all active My Lotus's members who are registered via the Lotus's Malaysia mobile application or Lotus's Shop Online (LSO) website (www.lotuss.com.my) ("Participants")
- Participants must be aged eighteen (18) years and above as at the date of participation and must be Malaysian or Singaporean citizens, or permanent residents, with a valid identification document.
- Any participant who does not meet the above eligibility requirements shall not be selected as a winner, including the Campaign Prize, and any prize awarded shall be forfeited.
- Employees of Lotus's Malaysia (including its affiliates, subsidiaries, and related companies), their immediate family members, as well as advertising and promotion agencies, suppliers, vendors, and third-party service providers (and their immediate family members) are eligible to participate in this Campaign and to win Instant Reward prizes only.

- However, the above-mentioned individuals are not eligible to win any of the Campaign Prizes (Grand Prize, Second Prize, or Third Prize) under this Campaign.

4. Participation Mechanics

- Participants must spend a minimum of RM100 in a single receipt at any participating Lotus's physical store or via the Lotus's Shop Online (www.lotuss.com.my) during the Campaign Period. Participants must scan or enter their My Lotus's Member ID at the point of purchase.
- Participants are required to submit their purchase receipt through the "Troli Penuh Merdeka" campaign icon in the Lotus's Malaysia mobile application. Only receipts with purchases made within the Campaign Period will be accepted.
- Each purchase receipt must be submitted via the Lotus's Malaysia mobile application within three (3) days from the date of purchase.
- Receipts submitted after the stipulated submission period shall be deemed invalid.
- The purchase date, receipt number, and total spending amount must be clearly visible and legible at the time of submission. Any unclear, incomplete, invalid, or unreadable receipts will be disqualified.
- Lotus's Malaysia reserves the right to reject any receipt submission that is duplicated, altered, incomplete, illegible, fraudulent or suspected to have been manipulated.
- Each valid receipt is entitled to one (1) participation only.
- Each valid receipt entitles the participant to one (1) opportunity to participate in the in-app Instant Reward game.
- Eligible participants shall also receive one (1) entry into the Campaign Prize draw for each valid receipt submitted, subject to the eligibility requirements set out in Section 3.
- Each participant may submit up to a maximum of three (3) receipts submissions per day.
- Each participant may submit up to a maximum of forty (40) receipts submissions throughout the Campaign Period. Any submission exceeding the maximum limit shall not be eligible for this Campaign.
- Participants are encouraged to retain the original purchase receipt for verification and prize claim purposes, if required.

5. Rewards & Prizes

5.1 Instant Reward: In-app Game

- Upon successful receipt submission, participants will receive one (1) opportunity to reveal an Instant Reward in the Lotus's Malaysia mobile application. Instant Rewards consist of My Lotus's Points or Lotus's E-Vouchers, as determined by Lotus's Malaysia.
- Participants may win My Lotus's points or Lotus's E-Vouchers valued at up to RM10, as determined by Lotus's Malaysia.
- Any My Lotus's points or Lotus's E-Vouchers won will be credited to the participant's registered My Lotus's account within 48 hours (2 days) after successful participation.
- Participants may view their e-vouchers in the Lotus's Malaysia app under the "My Rewards" section.
- Participants may check any My Lotus's points won under the "Points History" section in the Lotus's Malaysia app.
- E-Vouchers won must be used within the validity period stated in the voucher details. Any unused balance will be forfeited upon expiry.
- My Lotus's points or e-vouchers won are non-transferable, non-refundable, and not exchangeable for cash.
- In the event of any technical issue, system interruption, network failure or other unforeseen circumstances affecting receipt submission, gameplay, reward display or reward crediting, Lotus's Malaysia reserves the right to verify the participant's eligibility and to delay, suspend, amend or reprocess the Instant Reward where reasonably necessary.

5.2 Campaign Prizes

- At the end of the Campaign Period, eligible participants will be shortlisted via an automated computerized random selection system based on the total number of valid entries received.
- The prizes available under this Campaign comprise the following:
 - Grand Prize: Shopping Spree worth RM3,000 – Six (6) winners.
 - Second Prize: Lotus's E-Voucher worth RM690 – Nine (9) winners.

- Third Prize: Lotus's E-Voucher worth RM100 – Sixty-nine (69) winners.

- The details of the Campaign Prizes are set out in Sections 5.2.1, 5.2.2 and 5.2.3.
- Each participant is eligible to win only one (1) prize throughout the entire Campaign Period.
- Participants who have won one prize shall not be eligible to win any other prize under this Campaign.
- Lotus's Malaysia reserves the right to determine the prize winners, prize specifications, method of delivery, verification requirements, and timelines.
- Lotus's Malaysia further reserves the right to substitute any prize with another prize of similar value without prior notice.

5.2.1 Grand Prize: Shopping Spree worth RM3,000

- A total of six (6) winners will be selected.
- Each winner will receive a Shopping Spree experience worth RM3,000 at a Lotus's store designated by Lotus's Malaysia.
- Lotus's Malaysia reserves the right to modify the Shopping Spree rules, eligible product categories, event flow, safety requirements and operational arrangements where reasonably necessary.

Shopping Spree Details

- The Shopping Spree shall be conducted on the date and time determined by Lotus's Malaysia at a designated Lotus's store located within the Kuala Lumpur or Klang Valley area. Winners, regardless of their place of residence, must attend the Shopping Spree at the designated location as instructed by Lotus's Malaysia. Any transportation, accommodation or other expenses incurred in attending the Shopping Spree shall be borne by the winner, unless otherwise stated by Lotus's Malaysia.
- Each winner may be accompanied by one (1) companion during the Shopping Spree. The companion shall not independently participate in the Shopping Spree unless otherwise permitted by Lotus's Malaysia.

- The Shopping Spree duration shall be three (3) minutes or such other duration as determined by Lotus's Malaysia. The official timekeeper appointed by Lotus's Malaysia shall determine the commencement and end of the Shopping Spree, and such decision shall be final.

Eligible and Excluded Products

- Only products successfully collected within the stipulated Shopping Spree duration shall be eligible.
- Electrical and electronic products, electrical appliances, gift cards, prepaid products, tobacco products, controlled items, services, Lotus's Gift Vouchers and any other products designated by Lotus's Malaysia are excluded from the Shopping Spree.
- Lotus's Malaysia reserves the right to determine the list of eligible and excluded products before or during the Shopping Spree.
- Products selected during the Shopping Spree are subject to stock availability at the designated store.
- Lotus's Malaysia does not guarantee the availability of any specific product, brand or quantity during the Shopping Spree.
- Lotus's Malaysia shall not be obliged to replace any unavailable product with another product requested by the winner.

Prize Value

- The total retail value of products collected during the Shopping Spree shall not exceed RM3,000.
- Where the total retail value of the collected products exceeds RM3,000, the winner may:
 - self pay the balance amount using any payment method accepted by Lotus's Malaysia; or
 - remove selected product(s) so that the total value does not exceed RM3,000.
- Any unused balance of the Shopping Spree value shall be forfeited and shall not be exchanged for cash, credit or any other benefit.
- The Shopping Spree prize is non-transferable, non-exchangeable and not redeemable for cash.

Winner Attendance & Verification

- Winners will be contacted by Lotus's Malaysia via the official Lotus's Malaysia WhatsApp account regarding the Shopping Spree arrangements, including the date, time and designated venue.
- Winners must present a valid identification document for verification before participating in the Shopping Spree.
- The Shopping Spree prize is personal to the winner and may not be transferred, assigned, claimed or participated in by any other person unless otherwise approved in writing by Lotus's Malaysia.
- Failure to attend the Shopping Spree, complete the verification process, or comply with the participation requirements within the stipulated timeline may result in forfeiture of the prize, and Lotus's Malaysia reserves the right to select an alternative eligible winner.

Safety & Liability

- Winners and their companion must comply with all safety instructions, event rules and directions given by Lotus's Malaysia representatives throughout the Shopping Spree. Lotus's Malaysia reserves the right to stop or disqualify any participant whose conduct may endanger themselves, other participants, employees or members of the public.
- Winners and their companion are responsible for exercising reasonable care throughout the Shopping Spree and shall comply with all applicable event rules and safety requirements. To the fullest extent permitted by applicable law, Lotus's Malaysia shall not be liable for any loss, injury or damage arising from the winner's or companion's failure to comply with such rules or safety instructions.
- Any intentional or negligent damage to Lotus's property, fixtures, equipment or merchandise caused by the winner or their companion may result in disqualification and/or the winner being held responsible for the cost of such damage.

5.2.2 Second Prize: Lotus's E-Voucher RM690

- A total of nine (9) winners will be selected. Each winner will receive Lotus's E-Vouchers with a total value of RM690.

- The E-Vouchers shall be credited to the winner's registered My Lotus's account.
- The E-Vouchers are subject to their respective validity periods, redemption terms and conditions, participating stores, eligible products, and any other usage restrictions specified in the Lotus's Malaysia mobile application or accompanying voucher terms.
- Expired, unused, lost, deleted or inaccessible E-Vouchers shall not be extended, replaced or reinstated. Lotus's Malaysia shall not be liable for any failure to redeem the E-Vouchers due to incorrect account information, account inaccessibility, or technical issues beyond its reasonable control.
- The E-Vouchers are non-transferable, non-exchangeable and not redeemable for cash or any other form of credit.
- The use of the E-Vouchers constitutes acceptance of the applicable voucher terms and conditions in force at the time of redemption.

5.2.3 Third Prize: Lotus's E-Voucher RM100

- A total of sixty-nine (69) winners will be selected. Each winner will receive Lotus's E-Vouchers with a total value of RM100.
- The E-Vouchers shall be credited to the winner's registered My Lotus's account.
- The E-Vouchers are subject to their respective validity periods, redemption terms and conditions, participating stores, eligible products, and any other usage restrictions specified in the Lotus's Malaysia mobile application or accompanying voucher terms.
- Expired, unused, lost, deleted or inaccessible E-Vouchers shall not be extended, replaced or reinstated. Lotus's Malaysia shall not be liable for any failure to redeem the E-Vouchers due to incorrect account information, account inaccessibility, or technical issues beyond its reasonable control.
- The E-Vouchers are non-transferable, non-exchangeable and not redeemable for cash or any other form of credit.
- The use of the E-Vouchers constitutes acceptance of the applicable voucher terms and conditions in force at the time of redemption.

6. Winner Selection & Notification

- Grand Prize, Second Prize and Third Prize winners will be shortlisted from all eligible and valid entries received during the Campaign Period through an automated computerized random selection system.
- Shortlisted winners may be contacted by Lotus's Malaysia via the official Lotus's Malaysia WhatsApp account, SMS, or phone call for the purpose of winner verification and prize fulfilment.
- Shortlisted winners must respond and provide any information or documents reasonably requested by Lotus's Malaysia for verification within the stipulated timeline.
- If a shortlisted winner cannot be contacted after three (3) attempts within three (3) consecutive working days (Monday to Friday), fails to respond within the stipulated timeline, is found to be ineligible, or fails to comply with these Terms & Conditions, Lotus's Malaysia reserves the right to disqualify the shortlisted winner and select an alternative eligible participant.
- Upon successful verification, Campaign Prize winners will be notified via the official Lotus's Malaysia WhatsApp account and announced on the official Lotus's Malaysia Facebook page.

7. Limitation of Liability

- Lotus's Malaysia shall not be liable for any loss, damage, or inconvenience arising from participation in this Campaign or from the use of any prize.
- Without limiting the generality of the above, Lotus's Malaysia shall not be held responsible for any of the following circumstances:
 - Technical failures, including but not limited to internet connectivity issues, application downtime, or system errors;
 - Lost, delayed, misdirected, corrupted, or incomplete entries, receipts, vouchers, or communications due to technical or other causes beyond Lotus's Malaysia's reasonable control.
- Participants who experience technical issues relating to receipt submission, gameplay, reward display or reward crediting may contact Lotus's Malaysia Customer Service at

lotusshelpline@lotuss.com.my for assistance. Lotus's Malaysia's decision in relation to such matters shall be final.

8. Fraudulent Activity and Disqualification

- Lotus's Malaysia reserves the right to disqualify any participant suspected of fraud, cheating, manipulation, or misuse of the Campaign mechanics, including but not limited to the submission of duplicated, reused, altered, or falsified receipts or images.
- Any participant found to have committed or attempted to commit fraud, breached these Terms & Conditions, or otherwise failed to comply with any Campaign requirements shall not be eligible to receive or retain any Instant Rewards or Campaign Prizes under this Campaign.
- In the event that any My Lotus's points, e-vouchers or any prizes have already been issued to such participant prior to the discovery of fraud, Lotus's Malaysia reserves the right to revoke, cancel, or invalidate such points, e-vouchers or prizes at its sole discretion, without prior notice to the participant.

9. Privacy & PDPA

- By participating in this Campaign, participants consent to the collection, processing, and use of their personal data for the purposes of administering this Campaign, in accordance with Lotus's Malaysia's Privacy Policy.
- Personal data will not be used for any purpose other than the administration, fulfilment, and management of this Campaign, unless otherwise required or permitted by law.

10. Force Majeure

- Lotus's Malaysia shall not be held responsible if the Campaign cannot proceed as planned due to circumstances beyond its reasonable control, including system failures, government regulations, or other unforeseen events.

11. General Legal

- Any costs incurred by participants in connection with this Campaign, including but not limited to internet charges, transportation costs, or personal expenses, shall be borne solely by the participant.

- All decisions made by Lotus's Malaysia in relation to this Campaign, including but not limited to eligibility, selection of winners, prizes, and interpretation of these Terms & Conditions, are final and binding.
- Any disputes arising from or in connection with this campaign shall be resolved amicably between the parties. Should such resolution fail, the dispute shall be subject to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.
- Lotus's Malaysia reserves the right to amend, suspend, or terminate this Campaign or these Terms & Conditions at its sole discretion without prior notice.
- Lotus's Malaysia shall not be responsible for any lost, delayed, misdirected, corrupted, or incomplete entries due to technical or system errors beyond its reasonable control.

My Lotus's Troli Penuh Merdeka: Belanja & Menang

TERMA & SYARAT

1. Umum

- Kempen My Lotus's Troli Penuh Merdeka: Belanja & Menang ("Kempen") merupakan sebuah peraduan beli dan menang yang dianjurkan oleh Lotus's Malaysia secara eksklusif untuk ahli My Lotus's.
- Dengan menyertai Kempen ini, semua peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini. Lotus's Malaysia berhak untuk meminda, mengubah atau menyemak Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
- Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi Terma & Syarat ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

2. Tempoh Kempen

- Kempen ini akan berlangsung dari 30 Julai 2026 hingga 16 September 2026, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Kempen").

3. Kelayakan

- Kempen ini terbuka kepada semua ahli My Lotus's yang aktif dan berdaftar melalui aplikasi mudah alih Lotus's Malaysia atau laman web Lotus's Shop Online (LSO) di www.lotuss.com.my ("Peserta").
- Peserta hendaklah berumur lapan belas (18) tahun ke atas pada tarikh penyertaan serta merupakan warganegara Malaysia atau Singapura, atau pemastautin tetap, dan memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.
- Mana-mana peserta yang tidak memenuhi syarat kelayakan di atas tidak akan dipilih sebagai pemenang, termasuk bagi Hadiah Utama, dan sebarang hadiah yang telah diberikan akan dilucuthakkan.
- Kakitangan Lotus's Malaysia (termasuk syarikat gabungan, subsidiari dan syarikat berkaitan), ahli keluarga terdekat mereka, agensi pengiklanan dan promosi, pembekal,

vendor serta penyedia perkhidmatan pihak ketiga (termasuk ahli keluarga terdekat mereka) layak menyertai Kempen ini dan hanya layak memenangi Ganjaran Segera (Instant Reward).

- Walau bagaimanapun, individu yang dinyatakan di atas tidak layak memenangi mana-mana Hadiah Kempen (Hadiah Utama, Hadiah Kedua atau Hadiah Ketiga) di bawah Kempen ini.

4. Cara Penyertaan

- Peserta hendaklah berbelanja sekurang-kurangnya RM100 dalam satu (1) resit di mana-mana stor fizikal Lotus's yang mengambil bahagian atau melalui Lotus's Shop Online (www.lotuss.com.my) sepanjang Tempoh Kempen. Peserta hendaklah mengimbas atau memasukkan ID Ahli My Lotus's mereka semasa membuat pembelian.
- Peserta hendaklah menghantar resit pembelian mereka melalui ikon kempen "Trolí Penuh Merdeka" dalam aplikasi mudah alih Lotus's Malaysia. Hanya resit bagi pembelian yang dibuat dalam Tempoh Kempen akan diterima.
- Setiap resit pembelian hendaklah dihantar melalui aplikasi mudah alih Lotus's Malaysia dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh pembelian.
- Sebarang resit yang dihantar selepas tempoh penghantaran yang ditetapkan akan dianggap tidak sah.
- Tarikh pembelian, nombor resit dan jumlah perbelanjaan hendaklah dipaparkan dengan jelas dan boleh dibaca semasa penghantaran. Sebarang resit yang kabur, tidak lengkap, tidak sah atau tidak boleh dibaca akan dibatalkan.
- Lotus's Malaysia berhak menolak mana-mana resit yang didapati dihantar secara berulang, diubah suai, tidak lengkap, tidak jelas, mengandungi unsur penipuan atau disyaki telah dimanipulasi.
- Setiap resit yang sah hanya melayakkan peserta kepada satu (1) penyertaan.
- Setiap resit yang sah melayakkan peserta kepada satu (1) peluang untuk menyertai permainan Ganjaran Segera (Instant Reward) dalam aplikasi.
- Peserta yang layak juga akan menerima satu (1) penyertaan ke cabutan Hadiah Kempen bagi setiap resit sah yang dihantar, tertakluk kepada syarat kelayakan yang dinyatakan dalam Seksyen 3.

- Setiap peserta boleh menghantar maksimum tiga (3) resit sehari.
- Setiap peserta boleh menghantar maksimum empat puluh (40) resit sepanjang Tempoh Kempen. Sebarang penghantaran yang melebihi had maksimum tersebut tidak akan layak menyertai Kempen ini.
- Peserta digalakkan untuk menyimpan resit pembelian asal bagi tujuan pengesahan dan tuntutan hadiah sekiranya diperlukan.

5. Ganjaran & Hadiah

5.1 Ganjaran Segera: Permainan Dalam Aplikasi

- Setelah penghantaran resit berjaya, peserta akan menerima satu (1) peluang untuk mendedahkan Ganjaran Segera (Instant Reward) melalui aplikasi mudah alih Lotus's Malaysia. Ganjaran Segera terdiri daripada Mata My Lotus's atau E-Baucar Lotus's, sebagaimana ditentukan oleh Lotus's Malaysia.
- Peserta berpeluang memenangi Mata My Lotus's atau E-Baucar Lotus's bernilai sehingga RM10, sebagaimana ditentukan oleh Lotus's Malaysia.
- Sebarang Mata My Lotus's atau E-Baucar Lotus's yang dimenangi akan dikreditkan ke akaun My Lotus's berdaftar milik peserta dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam (2 hari) selepas penyertaan berjaya.
- Peserta boleh melihat E-Baucar mereka di aplikasi Lotus's Malaysia di bawah bahagian "Ganjaran Saya (My Rewards)".
- Peserta boleh menyemak Mata My Lotus's yang dimenangi di bahagian "Sejarah Mata (Points History)" dalam aplikasi Lotus's Malaysia.
- E-Baucar yang dimenangi hendaklah digunakan dalam tempoh sah laku yang dinyatakan pada butiran baucar. Sebarang baki yang tidak digunakan akan dilucuthakkan apabila tempoh sah laku tamat.
- Mata My Lotus's atau E-Baucar yang dimenangi tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai.
- Sekiranya berlaku sebarang masalah teknikal, gangguan sistem, kegagalan rangkaian atau apa-apa keadaan luar jangka yang menjejaskan penghantaran resit, permainan dalam aplikasi, paparan ganjaran atau pengkreditan ganjaran, Lotus's Malaysia berhak

mengesahkan kelayakan peserta serta menangguhkan, menggantung, meminda atau memproses semula Ganjaran Segera sekiranya perlu dan munasabah.

5.2 Hadiah Kempen

- Pada akhir Tempoh Kempen, peserta yang layak akan disenarai pendek melalui sistem pemilihan rawak berkomputer secara automatik berdasarkan jumlah penyertaan sah yang diterima.
- Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti berikut:
 - Hadiah Utama: Shopping Spree bernilai RM3,000 – Enam (6) pemenang.
 - Hadiah Kedua: E-Baucar Lotus's bernilai RM690 – Sembilan (9) pemenang.
 - Hadiah Ketiga: E-Baucar Lotus's bernilai RM100 – Enam puluh sembilan (69) pemenang.
- Butiran lanjut mengenai Hadiah Kempen bagi Kempen ini dinyatakan dalam Seksyen 5.2.1, 5.2.2 dan 5.2.3.
- Setiap peserta hanya layak memenangi satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen.
- Peserta yang telah memenangi satu (1) Hadiah Kempen tidak layak memenangi mana-mana Hadiah Kempen lain di bawah Kempen ini.
- Lotus's Malaysia berhak menentukan pemenang Hadiah Kempen, spesifikasi hadiah, kaedah penyerahan hadiah, keperluan pengesahan serta tempoh masa yang berkaitan.
- Lotus's Malaysia juga berhak menggantikan mana-mana Hadiah Kempen dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

5.2.1 Hadiah Utama: Shopping Spree bernilai RM3,000

- Seramai enam (6) pemenang akan dipilih.
- Setiap pemenang akan menerima pengalaman Shopping Spree bernilai RM3,000 di stor Lotus's yang ditetapkan oleh Lotus's Malaysia.
- Lotus's Malaysia berhak untuk mengubah suai peraturan Shopping Spree, kategori produk yang layak, perjalanan acara, keperluan keselamatan dan pengaturan operasi apabila difikirkan munasabah perlu.

Butiran Shopping Spree

- Shopping Spree akan diadakan pada tarikh dan masa yang ditentukan oleh Lotus's Malaysia di stor Lotus's yang ditetapkan di kawasan Kuala Lumpur atau Lembah Klang. Pemenang, tanpa mengira tempat tinggal mereka, hendaklah menghadiri Shopping Spree di lokasi yang ditetapkan seperti yang diarahkan oleh Lotus's Malaysia. Sebarang kos pengangkutan, penginapan atau perbelanjaan lain yang ditanggung untuk menghadiri Shopping Spree adalah di bawah tanggungan pemenang, melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Lotus's Malaysia.
- Setiap pemenang boleh ditemani oleh seorang (1) pembantu semasa Shopping Spree. Pembantu tersebut tidak dibenarkan mengambil bahagian secara langsung dalam Shopping Spree melainkan dibenarkan oleh Lotus's Malaysia.
- Tempoh Shopping Spree adalah selama tiga (3) minit atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Lotus's Malaysia. Penjaga masa rasmi yang dilantik oleh Lotus's Malaysia akan menentukan masa permulaan dan tamat Shopping Spree dan keputusannya adalah muktamad.

Produk Layak dan Produk Tidak Layak

- Hanya produk yang berjaya dikumpulkan dalam tempoh Shopping Spree yang ditetapkan akan dikira sebagai layak.
- Produk elektrik dan elektronik, peralatan elektrik, kad hadiah, produk prabayar, produk tembakau, barangan terkawal, perkhidmatan, Baucar Hadiah Lotus's serta apa-apa produk lain yang ditetapkan oleh Lotus's Malaysia adalah tidak layak untuk Shopping Spree.
- Lotus's Malaysia berhak menentukan senarai produk yang layak dan tidak layak sebelum atau semasa Shopping Spree berlangsung.
- Produk yang dipilih semasa Shopping Spree adalah tertakluk kepada ketersediaan stok di stor yang ditetapkan.
- Lotus's Malaysia tidak menjamin ketersediaan mana-mana produk, jenama atau kuantiti tertentu semasa Shopping Spree.

- Lotus's Malaysia tidak berkewajipan untuk menggantikan mana-mana produk yang tidak tersedia dengan produk lain yang diminta oleh pemenang.

Nilai Hadiah

- Jumlah nilai runcit produk yang dikumpulkan semasa Shopping Spree tidak boleh melebihi RM3,000.
- Sekiranya jumlah nilai runcit produk yang dikumpulkan melebihi RM3,000, pemenang boleh:
membayar baki amaun menggunakan mana-mana kaedah pembayaran yang diterima oleh Lotus's Malaysia; atau
mengeluarkan produk yang dipilih supaya jumlah keseluruhan nilai tidak melebihi RM3,000.
- Sebarang baki nilai Shopping Spree yang tidak digunakan akan dilucuthakkan dan tidak boleh ditukar kepada wang tunai, kredit atau apa-apa manfaat lain.
- Hadiah Shopping Spree tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dalam bentuk wang tunai.

Kehadiran & Pengesahan Pemenang

- Pemenang akan dihubungi oleh Lotus's Malaysia melalui akaun WhatsApp rasmi Lotus's Malaysia berkenaan butiran Shopping Spree, termasuk tarikh, masa dan lokasi yang ditetapkan.
- Pemenang hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah untuk tujuan pengesahan sebelum menyertai Shopping Spree.
- Hadiah Shopping Spree adalah khusus kepada pemenang dan tidak boleh dipindah milik, diserahkan, dituntut atau disertai oleh mana-mana individu lain melainkan dengan kelulusan bertulis daripada Lotus's Malaysia.
- Kegagalan untuk menghadiri Shopping Spree, melengkapkan proses pengesahan, atau mematuhi syarat penyertaan dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan hadiah tersebut dilucuthakkan. Lotus's Malaysia berhak memilih pemenang lain yang layak sebagai pengganti.

Keselamatan & Liabiliti

- Pemenang dan pembantu hendaklah mematuhi semua arahan keselamatan, peraturan acara dan arahan yang diberikan oleh wakil Lotus's Malaysia sepanjang Shopping Spree berlangsung. Lotus's Malaysia berhak menghentikan atau membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang tingkah lakunya boleh membahayakan diri sendiri, peserta lain, kakitangan atau orang awam.
- Pemenang dan pembantu bertanggungjawab untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah sepanjang Shopping Spree dan hendaklah mematuhi semua peraturan acara serta keperluan keselamatan yang berkenaan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, Lotus's Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kecederaan atau kerosakan yang berpunca daripada kegagalan pemenang atau pembantu mematuhi peraturan atau arahan keselamatan tersebut.
- Sebarang kerosakan yang disengajakan atau disebabkan oleh kecuaiian terhadap harta benda, kelengkapan, peralatan atau barangan milik Lotus's Malaysia yang dilakukan oleh pemenang atau pembantu boleh mengakibatkan pembatalan kelayakan dan/atau pemenang dipertanggungjawabkan ke atas kos kerosakan tersebut.

5.2.2 Hadiah Kedua: E-Baucar Lotus's Bernilai RM690

- Seramai sembilan (9) pemenang akan dipilih. Setiap pemenang akan menerima E-Baucar Lotus's dengan jumlah nilai RM690.
- E-Baucar akan dikreditkan ke akaun My Lotus's berdaftar milik pemenang.
- E-Baucar adalah tertakluk kepada tempoh sah laku, terma dan syarat penebusan, stor yang mengambil bahagian, produk yang layak serta sebarang sekatan penggunaan lain seperti yang dinyatakan dalam aplikasi mudah alih Lotus's Malaysia atau terma dan syarat baucar yang berkaitan.
- E-Baucar yang telah tamat tempoh, tidak digunakan, hilang, dipadam atau tidak dapat diakses tidak akan dilanjutkan tempoh sah laku, diganti atau dikembalikan semula. Lotus's Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan menebus

E-Baucar yang berpunca daripada maklumat akaun yang tidak tepat, akaun yang tidak dapat diakses atau masalah teknikal di luar kawalan munasabah Lotus's Malaysia.

- E-Baucar tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dalam bentuk wang tunai atau sebarang bentuk kredit yang lain.
- Penggunaan E-Baucar adalah tertakluk kepada penerimaan terma dan syarat baucar yang berkuat kuasa pada masa penebusan.

5.2.3 Hadiah Ketiga: E-Baucar Lotus's Bernilai RM100

- Seramai enam puluh sembilan (69) pemenang akan dipilih. Setiap pemenang akan menerima E-Baucar Lotus's dengan jumlah nilai RM100.
- E-Baucar akan dikreditkan ke akaun My Lotus's berdaftar milik pemenang.
- E-Baucar adalah tertakluk kepada tempoh sah laku, terma dan syarat penebusan, stor yang mengambil bahagian, produk yang layak serta sebarang sekatan penggunaan lain seperti yang dinyatakan dalam aplikasi mudah alih Lotus's Malaysia atau terma dan syarat baucar yang berkaitan.
- E-Baucar yang telah tamat tempoh, tidak digunakan, hilang, dipadam atau tidak dapat diakses tidak akan dilanjutkan tempoh sah laku, diganti atau dikembalikan semula. Lotus's Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan menebus E-Baucar yang berpunca daripada maklumat akaun yang tidak tepat, akaun yang tidak dapat diakses atau masalah teknikal di luar kawalan munasabah Lotus's Malaysia.
- E-Baucar tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dalam bentuk wang tunai atau sebarang bentuk kredit yang lain.
- Penggunaan E-Baucar adalah tertakluk kepada penerimaan terma dan syarat baucar yang berkuat kuasa pada masa penebusan.

6. Pemilihan & Pemberitahuan Pemenang

- Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga akan disenarai pendek daripada semua penyertaan yang sah dan layak yang diterima sepanjang Tempoh Kempen melalui sistem pemilihan rawak berkomputer secara automatik.

- Pemenang yang disenarai pendek boleh dihubungi oleh Lotus's Malaysia melalui akaun WhatsApp rasmi Lotus's Malaysia, SMS atau panggilan telefon bagi tujuan pengesahan pemenang dan penyerahan hadiah.
- Pemenang yang disenarai pendek hendaklah memberikan maklum balas serta mengemukakan sebarang maklumat atau dokumen yang munasabah diminta oleh Lotus's Malaysia bagi tujuan pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Sekiranya pemenang yang disenarai pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja berturut-turut (Isnin hingga Jumaat), gagal memberikan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan, didapati tidak layak, atau gagal mematuhi Terma & Syarat ini, Lotus's Malaysia berhak membatalkan kelayakan pemenang tersebut dan memilih peserta lain yang layak sebagai pemenang pengganti.
- Setelah proses pengesahan berjaya diselesaikan, pemenang hadiah akan dimaklumkan melalui akaun WhatsApp rasmi Lotus's Malaysia dan diumumkan di laman Facebook rasmi Lotus's Malaysia.

7. Had Liabiliti

- Lotus's Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan atau kesulitan yang timbul akibat penyertaan dalam Kempen ini atau penggunaan mana-mana hadiah.
- Tanpa mengehendkan perkara di atas, Lotus's Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana keadaan berikut:
 - kegagalan teknikal termasuk tetapi tidak terhad kepada masalah sambungan internet, gangguan aplikasi atau ralat sistem; atau
 - penyertaan, resit, baucar atau komunikasi yang hilang, lewat diterima, tersalah hantar, rosak atau tidak lengkap akibat masalah teknikal atau sebab-sebab lain di luar kawalan munasabah Lotus's Malaysia.
- Peserta yang mengalami sebarang masalah teknikal yang menjejaskan penghantaran resit, permainan dalam aplikasi, paparan ganjaran atau pengkreditan ganjaran boleh menghubungi Khidmat Pelanggan Lotus's Malaysia melalui e-mel di

lotusshelpline@lotuss.com.my untuk mendapatkan bantuan. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Lotus's Malaysia berhubung perkara tersebut adalah muktamad.

8. Aktiviti Penipuan & Pembatalan Kelayakan

- Lotus's Malaysia berhak membatalkan kelayakan mana-mana peserta yang disyaki melakukan penipuan, penyalahgunaan, manipulasi atau penyalahgunaan mekanik Kempen, termasuk tetapi tidak terhad kepada penghantaran resit atau imej yang berulang, digunakan semula, diubah suai atau dipalsukan.
- Mana-mana peserta yang didapati telah melakukan atau cuba melakukan penipuan, melanggar Terma & Syarat ini atau gagal mematuhi mana-mana keperluan Kempen tidak layak menerima atau mengekalkan sebarang Ganjaran Segera atau Hadiah Kempen di bawah Kempen ini.
- Sekiranya Mata My Lotus's, E-Baucar atau apa-apa hadiah telah diberikan kepada peserta tersebut sebelum penipuan dikesan, Lotus's Malaysia berhak membatalkan, menarik balik atau mengisytiharkan mata, E-Baucar atau hadiah tersebut sebagai tidak sah mengikut budi bicara mutlak tanpa notis terlebih dahulu kepada peserta.

9. Privasi & PDPA

- Dengan menyertai Kempen ini, peserta memberikan persetujuan kepada Lotus's Malaysia untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi tujuan mengendalikan Kempen ini, selaras dengan Dasar Privasi Lotus's Malaysia.
- Data peribadi peserta tidak akan digunakan bagi sebarang tujuan selain pentadbiran, pelaksanaan dan pengurusan Kempen ini, melainkan dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang.

10. Force Majeure (Keadaan di Luar Kawalan)

- Lotus's Malaysia tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kempen ini tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang disebabkan keadaan di luar kawalan munasabah, seperti bencana alam, pandemik, atau tindakan kerajaan.

termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan sistem, arahan atau peraturan kerajaan, atau kejadian lain yang tidak dijangka.

11. Syarat-syarat Am

- Sebarang kos yang ditanggung oleh peserta berkaitan dengan penyertaan dalam Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj internet, kos pengangkutan atau perbelanjaan peribadi, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh peserta.
- Semua keputusan yang dibuat oleh Lotus's Malaysia berkaitan Kempen ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan peserta, pemilihan pemenang, hadiah serta tafsiran Terma & Syarat ini, adalah muktamad dan mengikat.
- Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini hendaklah diselesaikan secara baik antara pihak-pihak terlebih dahulu. Sekiranya penyelesaian tidak dapat dicapai, pertikaian tersebut hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
- Lotus's Malaysia berhak meminda, menggantung atau menamatkan Kempen ini atau Terma & Syarat ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlakanya tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
- Lotus's Malaysia tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang penyertaan yang hilang, lewat diterima, tersalah hantar, rosak atau tidak lengkap akibat masalah teknikal atau ralat sistem yang berada di luar kawalan munasabah Lotus's Malaysia.